

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

02 FEBRUARI 2021

SELASA



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

SINAR HARIAN

POLIS JOHOR TAMBAH 500 PASUKAN

2



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SELASA 2 FEBRUARI 2021

Sinar
NEGERI

JOHOR • N.SEMBILAN

27

Sinar
untuk
Malaysia

Polis Johor tambah 500 pasukan

Pantau penugasan rondaan susulan kes Covid-19 meningkat

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

PASIR GUDANG

Polis Johor akan menambah 500 pasukan pemantauan bagi penugasan rondaan susulan peningkatan kes Covid-19 di negeri itu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, ketika ini terdapat 241 pasukan yang ditempatkan bagi memastikan aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi.

"Penambahan 500 pasukan pemantauan ini akan mula ber-

tugas esok (Selasa). Pasukan ini terdiri daripada tiga anggota dan pegawai berbanding enam anggota dan pegawai sebelum ini melibatkan unit kereta ronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bagi tujuan itu.

"Menerusi penambahan pasukan pemantauan ini membolehkan banyak lokasi dicapai dalam penguatkuasaan SOP. Pemeriksaan akan dilakukan secara mengejut," katanya pada sidang akbar selepas meninjau pematuhan SOP di asrama sebuah kilang di sini pada Isnin.

Katanya, selain pemantauan di jalan raya, rondaan akan dilaksanakan di kawasan kediaman pesakit Covid-19 yang menjalani kuarantin kendiri di rumah atau hostel tempat bekerja.

Pada masa sama katanya, polis Johor sedang menunggu data daripada Kementerian Ke-



Ayob Khan meninjau pematuhan SOP di beberapa blok asrama menempatkan pekerja dan ahli keluarga positif Covid-19 di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Pasir Gudang pada Isnin.

sihatan Malaysia (KKM) berkaitan pesakit positif yang diquarantin di rumah.

Jelas Ayob Khan, data tersebut penting terutama di zon merah bagi memudahkan tugas pemantauan terhadap mereka

yang dikuarantin di rumah sekali gus memastikan mereka benar-benar mematuhi arahan.

"Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 kita diberi maklumat dengan data tersebut bagi pemantauan di rumah meningkat.

kali ini belum lagi dibekalkan data. Tahap pematuhan SOP ketika ini adalah 97 peratus," katanya.

Walaupun begitu katanya, penguatkuasaan perlu dilakukan bagi mengelakkan mereka yang dikuarantin di rumah tidak ingkar dan kekal berada dalam rumah, jika berdegil tindakan akan diambil.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sejak PKP 2.0, lebih 1,000 individu di negeri ini sudah dikompaun atas kesalan melanggar SOP dan pada Ahad sahaja 75 kompaun dikenakan.

Tambah beliau, bilangan mereka yang dikompaun meningkat beberapa hari lalu dan tindakan itu bukan bermakna polis terlalu tegas, tetapi bagi memastikan masyarakat patuh SOP kerana statistik kes positif terus meningkat.

